

Keperluan Pembangunan Aplikasi Mudah Alih Bagi Istilah *Ulum al-Hadith* Berdasarkan Perspektif Pensyarah IPT

[The Need for a Mobile Application on Ulum al-Hadith Terminology from the Perspective of Higher Education Lecturers]

Rosni binti Wazir^{1*}, Suriani Sudi¹, Phayilah Yama¹, Siti Mursyidah Mohd Zin¹, Nur Saadah Khair², Nor Musliza Mustafa³, Farhah Zaidar Ramli¹, Muhamad Azam Najihan Jamaluddin⁴

¹Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

³Fakulti Multimedia Kreatif dan Komputeran, Universiti Islam Selangor

⁴Calon Sarjana Pengajian Hadis, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Islam Selangor

* Corresponding Author: Rosni binti Wazir, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia. Email: rosni@uis.edu.my

Kata Kunci:

Istilah hadis, aplikasi mudah alih, pengajaran dan pembelajaran, e-Kamus, Institusi Pengajian Tinggi

ABSTRAK

Penguasaan terhadap istilah-istilah di dalam *Ulum al-Hadith* merupakan salah satu daripada aspek yang penting untuk memahami ilmu hadis secara mendalam khususnya dalam konteks pengajian tinggi Islam di Malaysia. Namun, terdapat pelbagai cabaran yang melambatkan proses penyampaian dan penguasaan istilah tersebut dalam kalangan pelajar. Ini termasuk kegagahan untuk memahami istilah, alat bahan bantu belajar yang terbatas, serta kaedah pengajaran yang kurang sesuai dengan gaya pembelajaran generasi masa kini. Justeru, kajian ini akan meninjau keperluan pembangunan sebuah aplikasi mudah alih bagi istilah-istilah *Ulum al-Hadith* berdasarkan pandangan pensyarah IPT. Tiga objektif utama telah digariskan iaitu (a) mengenal pasti cabaran dalam pengajaran istilah hadis (b) menilai keperluan terhadap penggunaan aplikasi mudah alih sebagai alat sokongan PdP dan (c) meneroka cadangan pensyarah terhadap ciri dan fungsi utama aplikasi tersebut. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan kaedah temubual separa berstruktur yang melibatkan pensyarah bidang hadis dari institusi pengajian tinggi terpilih. Data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan pendekatan tematik bagi mengenal pasti corak dan keutamaan dalam keperluan PdP. Dapatan awal menunjukkan wujudnya sokongan terhadap pembangunan aplikasi e-Kamus, di samping keperluan kepada susun atur yang mesra pengguna dan semestinya berpandukan silibus sedia ada. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan inovasi teknologi dalam menguatkan proses pengajaran dan pembelajaran ilmu hadis secara lebih dinamik dan efektif.

Keywords

Hadith terminology, mobile application, teaching and learning, e-Dictionary, Higher Education Institutions

ABSTRACT

Mastery of terminology in *Ulum al-Hadith* is one of the essential aspects for a deeper understanding of hadith studies, particularly in the context of Islamic higher education in Malaysia. However, various challenges hinder the effective delivery and acquisition of these terms among students. These include difficulties in comprehension, limited availability of learning aids, and teaching

methods that are less compatible with the learning styles of today's generation. Hence, this study explores the need for developing a mobile application for Ulum al-Hadith terminology based on the perspectives of higher education lecturers. Three main objectives are outlined: (a) to identify the challenges in teaching hadith terminology, (b) to assess the necessity of a mobile application as a supportive teaching and learning tool, and (c) to explore lecturers' suggestions regarding the key features and functions of such an application. This study adopts a qualitative research design using semi-structured interviews with hadith lecturers from selected higher education institutions. The data collected will be analyzed thematically to identify patterns and priorities in teaching and learning needs. Preliminary findings indicate strong support for the development of an e-Dictionary application, alongside the necessity for a user-friendly layout that is aligned with the existing curriculum. It is anticipated that this study will contribute to technological innovation in strengthening the teaching and learning process of hadith studies in a more dynamic and effective manner.

Received: December 19, 2025

Accepted: May 19, 2026

Online Published: June 30, 2026

1. Pendahuluan

Pengajaran dan pembelajaran ilmu *Ulum al-Hadith* di institusi pengajian tinggi (IPT) merupakan salah satu komponen teras dalam pembentukan pemahaman terhadap sumber hukum Islam yang sahih selepas al-Qur'an. Penguasaan bidang ini bukan sahaja memerlukan pemahaman terhadap kandungan hadis, tetapi turut bergantung secara signifikan kepada penguasaan istilah-istilah teknikal yang telah dibangunkan oleh para ulama hadis sejak awal perkembangan disiplin ini. Istilah-istilah seperti *ṣaḥīḥ*, *ḍa'īf*, *ḥasan*, *'illah*, *syādh*, *mutābi'āt* dan *shawāhid* memainkan peranan penting dalam menentukan kedudukan sesuatu hadis serta menjadi asas kepada proses analisis sanad dan matan secara kritikal.

Walau bagaimanapun, dalam konteks pendidikan tinggi masa kini, penguasaan istilah *Ulum al-Hadith* sering berdepan dengan pelbagai cabaran, khususnya dalam kalangan pelajar generasi digital. Generasi ini, yang sering dirujuk sebagai *digital natives*, mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza berbanding generasi terdahulu, di mana mereka lebih cenderung kepada pembelajaran berbentuk visual, interaktif dan berasaskan teknologi (Hussin, 2018).

Keadaan ini menuntut transformasi dalam pendekatan pedagogi agar selari dengan keperluan semasa tanpa mengabaikan ketepatan disiplin ilmu tradisi Islam. Di samping itu, pembelajaran istilah yang bersifat abstrak dan kompleks turut memberikan beban kognitif yang tinggi kepada pelajar. Menurut teori Cognitive Load (Sweller, 2011), pembelajaran akan menjadi kurang berkesan apabila pelajar dibebani dengan terlalu banyak maklumat baharu tanpa sokongan alat bantu yang sesuai. Dalam konteks *Ulum al-Hadith*, istilah-istilah yang tidak mempunyai padanan tepat dalam bahasa Melayu serta memerlukan pemahaman kontekstual yang mendalam menjadikan proses pembelajaran lebih mencabar. Keadaan ini menyebabkan pelajar cenderung menghafal istilah secara literal tanpa memahami aplikasi sebenar dalam analisis hadis.

Pada masa yang sama, perkembangan teknologi digital telah membuka ruang baharu dalam memperkasa pengajaran dan pembelajaran ilmu Islam. Integrasi teknologi dalam pendidikan, khususnya melalui pendekatan mobile learning, telah terbukti mampu meningkatkan fleksibiliti dan keberkesanan pembelajaran dengan menyediakan akses kepada bahan pembelajaran secara mudah dan berterusan (Traxler, 2009; Ally, 2009). Penggunaan aplikasi mudah alih dalam pendidikan bukan sahaja membolehkan pembelajaran berlaku di luar bilik kuliah, malah turut menyokong pembelajaran sendiri (*self-directed learning*) yang semakin penting dalam ekosistem pendidikan tinggi. Namun demikian, terdapat jurang yang ketara antara kekayaan khazanah turath dalam bidang *Ulum al-Hadith* dengan bentuk penyampaian yang sesuai untuk generasi masa kini.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Abdullah (2014), integrasi antara tradisi ilmu Islam dan pendekatan kontemporari masih memerlukan usaha yang sistematik agar warisan keilmuan ini dapat diakses dan difahami secara lebih meluas tanpa menjejaskan keaslian dan ketepatannya. Dalam konteks ini, pembangunan aplikasi mudah alih khusus bagi istilah Ulum al-Hadith dilihat sebagai satu inovasi yang berpotensi merapatkan jurang tersebut. Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi meneroka keperluan pembangunan aplikasi mudah alih berbentuk e-Kamus istilah Ulum al-Hadith berdasarkan perspektif pensyarah IPT.

Kajian ini memberi tumpuan kepada tiga aspek utama, iaitu mengenal pasti cabaran dalam pengajaran istilah hadis, menilai keperluan terhadap penggunaan aplikasi mudah alih sebagai alat sokongan pembelajaran, serta meneroka cadangan terhadap ciri dan fungsi yang perlu ada dalam aplikasi tersebut. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan inovasi pedagogi berasaskan teknologi yang mampu memperkukuh penguasaan istilah *Ulum al-Hadith* secara lebih sistematik, interaktif dan berkesan.

2. Sorotan Literatur

Ulum al-Hadith merupakan salah satu disiplin utama dalam pengajian Islam yang berfungsi sebagai asas dalam memahami sumber hukum kedua selepas al-Qur'an. Kefahaman terhadap disiplin ini amat bergantung kepada penguasaan istilah-istilah teknikal yang telah dibangunkan oleh para ulama hadis bagi memastikan ketepatan dalam penilaian sanad dan matan. Istilah-istilah ini bukan sahaja membentuk kerangka metodologi dalam ilmu hadis, malah berperanan penting dalam memelihara keaslian sunnah melalui mekanisme seperti *al-jarh wa al-ta'dil* serta pengelasan status hadis (Siti Mursyidah Mohd Zin et al., 2023).

Walau bagaimanapun, dalam konteks pengajian di institusi pengajian tinggi, penguasaan istilah *Ulum al-Hadith* sering menjadi cabaran utama kepada pelajar. Kajian oleh Nor dan Yusoff (2021) menunjukkan bahawa kelemahan dalam penguasaan bahasa Arab menjadi faktor penting yang akan menjejaskan kefahaman terhadap istilah-istilah hadis. Ia sekaligus memberi kesan kepada keupayaan pelajar untuk menganalisis hadis secara kritikal. Keadaan ini menjadi lebih buruk apabila terdapat istilah hadis yang abstrak serta tiada padanan langsung dalam bahasa Melayu yang menyebabkan pelajar cenderung menghafal tanpa memahami konteks penggunaannya.

Dari sudut pedagogi, pembelajaran istilah memerlukan pendekatan yang sistematik dan berperingkat. Hal ini selari dengan Teori Cognitive Load yang diperkenalkan oleh Sweller (2011) yang menekankan bahawa pembelajaran akan menjadi tidak efektif apabila pelajar dibebani dengan maklumat yang kompleks tanpa sokongan struktur pembelajaran yang sesuai. Dalam konteks *Ulum al-Hadith*, istilah-istilah yang memerlukan kefahaman konseptual yang mendalam boleh menjadi beban kepada pelajar sekiranya tidak disokong dengan alat bantu yang efektif.

Seiring dengan perkembangan teknologi pendidikan, pendekatan *mobile learning* telah muncul sebagai salah satu daripada kaedah inovatif dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Traxler (2009) menegaskan bahawa pembelajaran mudah alih membolehkan akses kepada bahan pembelajaran secara fleksibel tanpa batasan masa dan lokasi. Ini secara nyata akan menyokong pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar. Ally (2009) turut menyatakan bahawa penggunaan teknologi mudah alih dapat meningkatkan penglibatan pelajar melalui interaksi yang lebih dinamik serta penyampaian kandungan yang lebih menarik.

Selain itu, dalam konteks pengajian Islam, penggunaan aplikasi mudah alih semakin mendapat perhatian sebagai medium sokongan pembelajaran. Kajian oleh Rahman, Latif dan Ismail (2021) mendapati bahawa integrasi *mobile learning* dalam pengajian Islam berpotensi meningkatkan motivasi serta pencapaian pelajar, terutamanya apabila aplikasi tersebut dilengkapi dengan elemen interaktif seperti kuiz audio dan visual. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Mohtar et al. (2023) yang menunjukkan bahawa teknologi multimedia interaktif dapat membantu pelajar memahami konsep abstrak dengan lebih berkesan.

Malah tidak dapat dinafikan pendekatan gamifikasi dalam aplikasi pendidikan juga dilihat berpotensi meningkatkan motivasi pembelajaran. Deterding et al. (2011) mentakrifkan gamifikasi sebagai penggunaan elemen reka bentuk permainan dalam konteks bukan permainan bagi meningkatkan penglibatan pengguna. Kajian oleh Hamari et al. (2014) pula menunjukkan bahawa gamifikasi mempunyai kesan positif terhadap motivasi dan penglibatan pelajar, terutamanya dalam persekitaran pembelajaran digital. Dalam konteks *Ulum al-*

Hadith, integrasi elemen gamifikasi seperti kuiz interaktif dan sistem ganjaran berpotensi membantu pelajar memahami istilah secara lebih berkesan.

Oleh yang demikian dalam usaha mendigitalkan pengajian hadis, beberapa inisiatif telah dijalankan bagi membangunkan aplikasi khusus berkaitan istilah hadis. Suriani Sudi (2024) membincangkan pembangunan aplikasi Kamus Istilah Hadis yang menyediakan rujukan dua bahasa (Arab–Melayu) serta dilengkapi dengan fungsi carian pantas dan rujukan silang. Walaupun aplikasi ini merupakan satu langkah awal yang signifikan, masih terdapat ruang penambahbaikan khususnya dari segi reka bentuk antaramuka dan integrasi elemen pembelajaran interaktif.

Dari perspektif pelajar pula, kajian oleh Hanapi dan Abidin (2022) mendapati bahawa majoriti mahasiswa lebih cenderung kepada pendekatan pembelajaran hibrid yang menggabungkan kaedah tradisional dan digital. Walau bagaimanapun, kajian tersebut turut menekankan bahawa aplikasi sedia ada masih kurang mesra pengguna serta tidak memenuhi keperluan pembelajaran generasi semasa, khususnya dari aspek navigasi dan interaktiviti.

Secara keseluruhannya, analisis terhadap kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa walaupun terdapat perkembangan dalam penggunaan teknologi dalam pengajian hadis, masih wujud beberapa jurang yang perlu diberi perhatian. Antaranya ialah ketiadaan model pembelajaran khusus yang mengintegrasikan istilah *Ulum al-Hadith* dengan pendekatan digital, kekurangan mekanisme pengesahan kandungan oleh pakar hadis, serta kelemahan dari segi reka bentuk aplikasi yang tidak memenuhi keperluan pengguna. Justeru, kajian ini berusaha untuk mengisi jurang tersebut dengan meneroka keperluan pembangunan aplikasi mudah alih berbentuk e-Kamus Istilah Hadis yang bukan sahaja mesra pengguna, tetapi juga berasaskan keserjanaan hadis yang sahih dan relevan dengan konteks pendidikan semasa.

3. Metodologi Penyelidikan

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi meneliti secara mendalam perspektif pensyarah institusi pengajian tinggi (IPT) terhadap keperluan pembangunan aplikasi mudah alih bagi istilah *Ulum al-Hadith*. Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia sesuai digunakan untuk memahami pengalaman, pandangan dan cabaran responden dalam konteks sebenar pengajaran dan pembelajaran. Pendekatan ini juga membolehkan penyelidik memperoleh data yang lebih mendalam dan bersifat deskriptif berkaitan isu yang dikaji.

Pengumpulan data dilakukan melalui kaedah temu bual separa berstruktur. Kaedah ini dipilih kerana ia memberikan ruang kepada responden untuk menghuraikan pengalaman dan pandangan mereka secara lebih terbuka dan fleksibel. Selain itu, kaedah ini turut membantu penyelidik mendapatkan penjelasan lanjut melalui soalan tambahan berdasarkan jawapan yang diberikan oleh responden. Penggunaan temu bual dalam kajian kualitatif penting bagi membantu penyelidik memahami pengalaman dan pandangan peserta secara lebih mendalam (Chua, 2011).

Peserta kajian terdiri daripada tiga orang pensyarah yang mengajar subjek *Ulum al-Hadith* di IPT tempatan. Pemilihan responden dilakukan menggunakan teknik pensampelan bertujuan (*purposive sampling*), iaitu dengan memilih individu yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan berkaitan fokus kajian. Antara kriteria pemilihan responden ialah pengalaman mengajar melebihi lima tahun, penglibatan aktif dalam pengajaran subjek *Ulum al-Hadith* atau *Mustalah al-Hadith* serta penggunaan alat bantu mengajar berasaskan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Proses pengumpulan data berfokus kepada enam tema utama, iaitu permasalahan pengajaran dan pembelajaran istilah hadis, kepentingan penguasaan istilah hadis, tahap kefahaman pelajar, keperluan alat bantu mengajar, kesesuaian aplikasi mudah alih serta keperluan pembangunan e-kamus istilah hadis. Semua data temu bual direkod dan ditranskripsikan sebelum dianalisis menggunakan pendekatan tematik bagi mengenal pasti tema dan pola utama yang muncul daripada data kajian. Analisis tematik digunakan bagi membantu penyelidik menyusun dan mentafsir data secara sistematik supaya dapatan kajian lebih jelas dan selari dengan objektif penyelidikan.

Proses pengumpulan data dalam kajian ini berfokus kepada enam tema utama yang telah ditetapkan berdasarkan objektif kajian dan sorotan literatur yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran *Ulum al-*

Hadith di institusi pengajian tinggi. Tema pertama melibatkan permasalahan pengajaran dan pembelajaran terhadap istilah-istilah hadis. Tema ini memberi tumpuan kepada cabaran yang dihadapi oleh pensyarah dan pelajar dalam memahami istilah-istilah *Ulum al-Hadith*, khususnya dari aspek bahasa Arab, kaedah penyampaian serta kesukaran memahami istilah yang bersifat abstrak dan teknikal. Melalui tema ini, penyelidik dapat mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran istilah hadis dalam bilik kuliah.

Tema kedua pula memfokuskan kepada kepentingan penguasaan istilah hadis dalam kalangan pelajar. Perbincangan dalam tema ini bertujuan meneliti sejauh mana penguasaan istilah *Ulum al-Hadith* dianggap penting dalam membantu pelajar memahami disiplin ilmu hadis secara lebih menyeluruh. Selain itu, tema ini turut meneliti hubungan antara penguasaan istilah dengan kemampuan pelajar dalam mengaplikasikan teori hadis dalam analisis sanad dan matan.

Tema ketiga berkaitan tahap kefahaman pelajar terhadap istilah-istilah hadis. Dalam tema ini, responden diminta menghuraikan pengalaman mereka berhubung tahap penguasaan pelajar, termasuk kemampuan memahami definisi istilah, membezakan fungsi istilah serta mengaplikasikannya dalam konteks pembelajaran hadis. Tema ini penting bagi membantu penyelidik memahami tahap kesediaan pelajar dalam mengikuti pengajian *Ulum al-Hadith* di peringkat pengajian tinggi.

Tema keempat dan kelima pula memfokuskan kepada keperluan alat bantu mengajar dan kesesuaian penggunaan aplikasi mudah alih dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kedua-dua tema ini memberi penekanan terhadap peranan teknologi sebagai medium sokongan pedagogi dalam membantu meningkatkan kefahaman dan minat pelajar terhadap pengajian hadis. Responden turut diminta mengemukakan pandangan berkaitan ciri-ciri aplikasi yang sesuai dengan keperluan pembelajaran generasi masa kini.

Tema terakhir ialah keperluan pembangunan e-kamus istilah hadis. Tema ini bertujuan meneliti pandangan responden terhadap kepentingan pembangunan sumber rujukan digital berbentuk e-kamus yang menghimpunkan istilah-istilah *Ulum al-Hadith* secara sistematik dan mudah diakses. Keseluruhan tema ini membantu penyelidik memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh berkaitan keperluan pembangunan aplikasi mudah alih bagi istilah *Ulum al-Hadith* dalam konteks pendidikan tinggi semasa.

4. Dapatan dan Perbincangan

Kajian ini telah mengenal pasti enam tema utama berkaitan dengan perspektif pensyarah institusi pengajian tinggi (IPT) terhadap keperluan pembangunan aplikasi mudah alih bagi istilah *Ulum al-Hadith*. Tema-tema ini dibincangkan seperti berikut:

4.1 Permasalahan Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) *Ulum al-Hadith*

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar bukan sahaja menghadapi kesukaran dari sudut bahasa Arab, bahkan turut mengalami beban kognitif yang tinggi ketika cuba memahami istilah-istilah *Ulum al-Hadith* yang bersifat abstrak dan teknikal. Keadaan ini berlaku apabila pelajar perlu memahami istilah dalam bahasa Arab, menghafal definisi, membezakan fungsi istilah serta mengaplikasikannya dalam analisis hadis secara serentak.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar bukan sahaja menghadapi kesukaran dari sudut penguasaan bahasa Arab, malah turut mengalami beban kognitif yang tinggi dalam memahami istilah-istilah *Ulum al-Hadith* yang bersifat abstrak dan teknikal. Keadaan ini berlaku apabila pelajar perlu memahami istilah Arab, menghafal definisi, membezakan fungsi istilah serta mengaplikasikannya dalam analisis hadis secara serentak. Keadaan ini menyebabkan pelajar perlu memproses terlalu banyak maklumat dalam satu masa, khususnya bagi mereka yang belum mempunyai asas bahasa Arab dan metodologi hadis yang kukuh.

Situasi ini selari dengan teori Cognitive Load oleh Sweller (2011) yang menjelaskan bahawa pembelajaran akan menjadi kurang efektif apabila pelajar dibebani terlalu banyak maklumat baharu dalam satu masa tanpa sokongan pedagogi yang sesuai. Dalam konteks *Ulum al-Hadith*, istilah seperti *mu'allal*, *mudallas*, *syādh*, *mutābi'āt* dan *shawāhid* memerlukan pemahaman yang bukan sekadar literal tetapi juga dari segi konteks.

Dapatan temu bual bersama pensyarah turut mengukuhkan situasi ini apabila majoriti responden secara konsisten menegaskan bahawa kekangan utama dalam penguasaan istilah *Ulum al-Hadith* adalah berkaitan penguasaan bahasa Arab. Pelajar yang kurang penguasaan dalam bahasa Arab akan menghadapi kesukaran memahami istilah-istilah seperti ‘illah, syawahid dan mutaba’at kerana tidak mempunyai padanan yang tepat dalam bahasa Melayu. Terjemahan secara literal sering gagal menyampaikan maksud sebenar istilah, menyebabkan kekeliruan dan salah tafsir. Ia adalah sebagaimana yang dinyatakan oleh responden bagi kajian ini :

Sepanjang proses aa PDP di UIS ni, khususnya aaa bagi pelajar sudah tentu bahasa Arab lah dia menjadi satu kekangan aa dalam kalangan pelajar untuk menguasai bahasa Arab dan kita tahu istilah-istilah hadis ni kebanyakannya bahasa Arab. Mungkin kalau istilah-istilah yang mudah tu, mudah untuk difaham. Tapi kalau masuk kepada istilah-istilah yang mereka mungkin tak pernah dengar jadi mereka akan keliru (P1).

Bila kita nak terangkan dia kena ada contoh untuk memahami sebab kalau kita nak terjemah dalam bahasa Melayu umpamanya Dia tidak ada perkataan khas untuk yang apa yang kita kata relevan dalam mengertikan satu-satu istilah Itulah permasalahannya Jadi, bila kita nak terangkan istilah kepada bahasa lain terutamanya, dia memang sukarlah dan untuk memudahkan kita kena bagikan contoh (P2).

Penemuan ini selari dengan kajian oleh Nor & Yusoff (2021) yang menunjukkan pelajar IPT menghadapi cabaran besar dalam memahami teks hadis kerana kelemahan penguasaan bahasa Arab, yang seterusnya menjejaskan penguasaan istilah teknikal. Hal ini membuktikan bahawa aspek bahasa merupakan penghalang utama dalam keberkesanan PdP hadis. Ia turut disebut oleh responden :

Jadi, kalau mengikutkan permasalahan itu, yang kita nampak, setakat ini hanya permasalahan dari sudut komunikasi. Kadang-kadang, dari sudut penyampaian guru itu sendiri dan pelajar sebagainya (P3).

Oleh itu, pembangunan aplikasi mudah alih yang sistematik berpotensi mengurangkan beban kognitif pelajar melalui penyusunan kandungan secara visual dan interaktif seperti grafik sanad, animasi ringkas serta audio penerangan. Ia dilihat berpotensi menyokong pelajar memahami istilah secara lebih tersusun.

4.2 Kepentingan Memahami Istilah Ulum Al-Hadith

Semua responden menekankan bahawa pemahaman istilah adalah asas kepada penguasaan teori dan amali ilmu hadis. Kefahaman yang tepat membantu pelajar membezakan antara istilah yang serupa tetapi berbeza maksud, seperti ‘illah dalam pengajian hadis berbanding dalam pengajian usul al-fiqh. Berikut pendapat responden tentang isu ini :

Untuk memahami istilah Ulum al-Hadith ini memang sangat penting. Istilah-istilah ni dia sebagai asas teori. Jadi bila mereka dapat faham teori, mereka akan dapat praktikkan teori tersebut. Macam istilah dalam hadis dia ada sebut illah. Perkataan illah ni juga ada disebut dalam bidang usul feqah Jadi kalau dia tak faham, bila dia seolah-olah dianggap sama istilah ni, jadi mereka menimbulkan beberapa kekeliruan. Padahal istilah illah dalam hadis lain, ta'rifnya istilah dalam Usul Feqah lain maknanya (P1).

Tentang ini memang sangat pentinglah sebab istilah itu yang akan kita gunakan sepanjang pengajaran dan pengajian hadis. contoh syawahid kita guna mutaba'at itu semua adalah satu istilah yang bila kita memulakan pengajian hadis dia akan berlanjutan sampai bila-bila kita akan gunakan contoh hadis ini dhaif ada tak syawahid ada tak mutaba'at jadi benda itu akan automatik jadi benda itu sangat penting istilah tu dia kena kenal lebih awal jadi bila dia melanjutkan pengajian kelebihan tinggi nanti baru lah dia akan belajar praktikal bagaimana penganalisaan terhadap status-status dan kedudukan hadis (P2).

Pada saya, memang penting. Memang penting kerana ulumul hadis, istilah-istilah dalam ilmu hadis ini sangat ada hubung kait sebab itulah istilah-istilah dalam ulum hadis ini sangat penting (P3).

Pandangan ini disokong oleh kajian Siti Mursyidah Mohd Zin (2023) yang menegaskan bahawa penguasaan istilah hadis mampu membentuk keupayaan pelajar menilai dan menganalisis hadis secara kritikal, selain mengelakkan kekeliruan istilah terhadap disiplin ilmu hadis.

4.3 Tahap Pemahaman Pelajar Terhadap Istilah Ulum Al-Hadith.

Pengalaman pensyarah menunjukkan tahap pemahaman pelajar adalah berbeza-beza. Ada pelajar yang cepat menguasai istilah kerana kecerdasan linguistik yang baik, namun sebahagian lagi hanya mampu menghafal tanpa memahami aplikasi praktikalnya. Responden menjelaskan perkara ini :

Berdasarkan pengalaman saya, pelajar ni ada pelbagai peringkat. Ada yang cepat dapat, maknanya kalau yang cerdik, bijak, mereka akan cepat dapat. Tapi ada yang sederhana, yang memerlukan kepada usaha lebihlah untuk mereka memahami istilah-istilah tersebut (P1).

Dia kenal, tapi belum faham sangat, disebabkan oleh praktikal, jadi bagaimana nak hukum dengan anak-anak ni jadi dia faham, istilah faham faham secara hafalan dia maksudnya dia boleh hafal, tapi bila nak praktikal itu masalah dia (P2).

Pendedahan awal kepada subjek *Ulum al-Hadith* di tahun pertama pengajian dilihat penting supaya pelajar mempunyai asas sebelum mempelajari bidang syariah dan hadis pada tahap lebih tinggi. Responden menjelaskan perkara ini di dalam temubual :

Jadi asas ulum al-Hadis ataupun istilah-istilah hadis mereka sudah menguasai pada satu tahap jadi setakat ni kita letakkan subjek ulumul hadis pada tahap permulaan jadi bila dia masuk belajar sini tahun 1 mesti dia belajar ulum hadis supaya bila dia pergi ke mana-mana, bidang lagi syariah baik bahasa arab baik, dia ada lagi subjek-subjek yang ada, hadis-hadis semua ni, jadi ada asas dia dapat kenal istilah-istilah itu untuk memudahkan mereka dalam belajar (P3).

Penemuan ini menyokong pandangan Mahmud (2019) bahawa pembelajaran istilah *Ulum al-Hadith* memerlukan pendekatan berperingkat dan berulang agar pelajar dapat memindahkan pengetahuan dari tahap hafalan kepada kefahaman yang lebih mendalam.

4.4 Keperluan Kepada Alat Bantu Mengajar

Dapatan kajian turut memperlihatkan bahawa pensyarah menyedari perubahan gaya pembelajaran generasi kini yang lebih cenderung kepada penggunaan teknologi digital. Mereka mempunyai kecenderungan terhadap pembelajaran yang bersifat pantas, visual, interaktif dan mudah diakses melalui telefon pintar. Perubahan ini memberi implikasi yang besar terhadap pendekatan pedagogi dalam pengajian hadis. Kaedah tradisional yang hanya bergantung kepada syarahan dan hafalan semata-mata dilihat kurang mencukupi bagi memenuhi keperluan pembelajaran generasi digital masa kini. Walaupun pendekatan *talaqqi* dan syarahan masih penting dalam tradisi ilmu hadis, namun integrasi teknologi menjadi satu keperluan semasa.

Dalam konteks ini, aplikasi mudah alih boleh berfungsi sebagai medium sokongan pedagogi yang melengkapkan proses pembelajaran formal di bilik kuliah. Pendekatan ini membolehkan pelajar mengakses kandungan pembelajaran secara fleksibel tanpa bergantung kepada masa dan tempat tertentu.

Dapatan temu bual bersama responden turut mengukuhkan keperluan ini apabila majoriti pensyarah bersetuju bahawa alat bantu mengajar diperlukan bagi menyokong keberkesanan pembelajaran, khususnya bagi pelajar yang memerlukan bantuan tambahan. Alat ini berperanan mengubah pendekatan pengajaran daripada sekadar menghafal kepada pembelajaran berasaskan aplikasi praktikal. Ia dinyatakan dengan jelas oleh responden :

Pada saya memang diperlukan kerana alat bantu mengajar ni dia sebagai sokongan kepada pelajar. yang tadi mungkin dia tahap sederhana. untuk dia faham apa dengan baik tu maka dia kena usaha lebih. dan usaha lebih tu perlukan bantuan lah. Jadi alat bantu ni memang akan dapat membantu dia untuk lebih memahami istilah tersebut (P1).

Ya perlu sebab berbagai bentuk alat bantu yang mungkin boleh apa digunakan lah tidak kiralah apapun alat bantunya, tetapi perlu alat bantu, sebab penerangan mengenai mustalah ni bukan untuk dihafal, untuk dipraktikkan (P2).

Bagi saya sangat sangat perlulah alat dan lebih banyak lagi alat-alat bantu itu disediakan bahasa-bahasa yang sesuai (P3)

Kenyataan ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Mohtar et al. (2023) yang mendapati penggunaan teknologi multimedia interaktif dalam pendidikan Islam meningkatkan kefahaman pelajar terhadap konsep abstrak dengan lebih berkesan. Hal ini membuktikan bahawa penggunaan teknologi boleh memperkukuh PdP dalam bidang hadis.

Selain itu, penggunaan teknologi juga dilihat dapat meningkatkan motivasi pembelajaran pelajar. Pelajar lebih cenderung menggunakan aplikasi yang mempunyai elemen interaktif seperti kuiz, visual, audio dan navigasi yang mudah. Oleh itu, pembangunan aplikasi istilah hadis perlu mengambil kira pengalaman pengguna agar benar-benar memenuhi keperluan pembelajaran semasa.

Dapatan ini juga menunjukkan bahawa pedagogi pengajian hadis perlu bergerak ke arah pendekatan *blended learning* yang menggabungkan kekuatan tradisi ilmu Islam dengan teknologi digital moden. Pendekatan ini bukan bertujuan menggantikan peranan pensyarah, tetapi memperkukuh keberkesanan penyampaian ilmu. Ia membolehkan integrasi antara kekuatan tradisi *talaqqi* dengan fleksibiliti pembelajaran digital secara lebih sistematik.

4.5 Keperluan Kepada Aplikasi Mudah Alih

Majoriti responden menyatakan aplikasi mudah alih berpotensi menjadi medium tambahan yang memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan capaian yang mudah melalui telefon pintar, aplikasi ini membolehkan pelajar merujuk istilah pada bila-bila masa, sekaligus meningkatkan fleksibiliti pembelajaran. Ia sebagaimana dinyatakan oleh responden :

Saya rasa perlu, kalau apa ni sebelum ni kita hanya menggunakan kitab sahaja sebagai medium. So kalau ditambah lagi dengan aplikasi mudah alih ni, dia lagi memudahkan untuk mengajar lah. Dia urm satu medium tambahan. (P1)

Pada pandangan saya sangat perlu sangat perlu kalau kita gunakan alat-alat ini, kerana semua boleh dikatakan semua ada handphone dan bila ada aplikasi yang disediakan untuk ulum hadis yang boleh mereka muat turun dalam telefon masing-masing lagi mudah, lagi senang setiap kali bila kita mengajar, mereka boleh langsung guna alat-alat mudah alih ini kalau mencari, istilah istilah boleh guna pada saya sangat perlulah (P3)

Namun, ada responden yang mengingatkan bahawa aplikasi hanyalah alat sokongan dan tidak dapat menggantikan peranan utama pensyarah. Berikut pandangan beliau :

Aplikasi tu mungkin cuma sebagai bantuan sokonganlah bagi saya tetap tenaga pengajar mempunyai peranan yang utama untuk memahami pelajar dan alat bantu tu dia ikut keperluan sebab kadang kalau aplikasi yang apa nama tu yang mereka rasa kadang-kadang yang terlalu ringkas atau bagaimana kadang-kadang mereka pun susah lah untuk faham terlalu ringkas (P2)

Kajian oleh Rahman et al. (2021) turut mendapati bahawa aplikasi mudah alih bersifat interaktif mampu meningkatkan motivasi pelajar, walaupun keberkesanannya bergantung kepada bentuk integrasinya dengan kaedah pengajaran konvensional.

4.6 Keperluan Pembangunan E-Kamus Istilah Hadis

Salah satu dapatan penting daripada kajian ini ialah keperluan kepada pendekatan pembelajaran yang lebih menarik dan interaktif dalam penguasaan pelajar terhadap istilah *Ulum al-Hadith*. Berdasarkan pandangan responden, pelajar sering menghadapi kesukaran mengekalkan fokus apabila pembelajaran terlalu bersifat teori dan berasaskan hafalan semata-mata.

Dapatan ini juga menunjukkan bahawa pembangunan e-kamus bukan lagi sekadar satu inovasi tambahan, tetapi telah menjadi satu keperluan dalam pembelajaran generasi digital masa kini. Pelajar pada hari ini lebih cenderung kepada pembelajaran sendiri yang bersifat fleksibel, pantas dan mudah diakses melalui peranti mudah alih. Dalam konteks ini, e-kamus istilah hadis dilihat mampu menyediakan akses segera kepada maklumat tanpa bergantung sepenuhnya kepada nota kuliah atau penerangan pensyarah di dalam kelas.

Hasil temubual menunjukkan bahawa majoriti responden menyokong pembinaan e-kamus dalam dua bahasa (Arab–Melayu) yang menghimpunkan istilah-istilah *Ulum al-Hadith* secara lengkap. Mereka berpendapat bahawa e-kamus ini dapat memudahkan rujukan bagi pensyarah dan pelajar, di samping mengisi kekosongan sumber rujukan istilah *Ulum al-Hadith* dalam bahasa Melayu.

Kalau ada usaha untuk buat aplikasi e-kamus ni memang saya setuju dan sokonglah. cuma setakat ini e-kamus, setakat pengetahuan saya, dalam bahasa melayu tidak ada lagilah (P1).

Ouh ni bagus sebab kita pun ada nak pernah draft dia dah ada pernah bercita-cita untuk membangunkan apa kita kata menjadikan projek penerbitan kamus istilah dua bahasa arab dengan melayu memang ia boleh membantu (P2).

Pada saya sangat perlu sangat perlu kita wujudkan usaha bagi adakan e-kamus istilah ulum hadis kumpulkan semua-semua mustalah hadis yang dipernah pakai dalam bidang hadis untuk membantu mudah baik pensyarah sendiri ataupun anak-anak pelajar supaya mereka lebih aaa menguasai istilah dan lebih faham lagi apabila mempelajari ilmu hadis sangat penting (P3).

Cadangan ini seiring dengan dapatan Suriani Sudi (2024) yang menekankan bahawa pembangunan aplikasi e-Kamus istilah hadis Arab–Melayu adalah penting bagi meningkatkan literasi ilmu hadis di IPT. Selain berfungsi sebagai sumber rujukan, e-kamus juga dapat membantu pelajar memahami hubungan antara istilah-istilah hadis secara lebih sistematik. Hal ini kerana sebahagian istilah *Ulum al-Hadith* mempunyai persamaan dari sudut lafaz tetapi berbeza dari sudut fungsi dan penggunaan. Oleh itu, penyusunan istilah secara berstruktur berserta contoh aplikasi hadis boleh membantu pelajar mengurangkan kekeliruan serta meningkatkan kefahaman konseptual terhadap disiplin ilmu hadis.

Dari sudut yang lebih luas, pembangunan e-kamus istilah hadis turut mencerminkan keperluan transformasi pedagogi dalam pendidikan Islam. Pendekatan tradisional yang berasaskan syarahan dan hafalan semata-mata perlu diperkukuh dengan integrasi teknologi digital agar pengajian hadis kekal relevan dengan perkembangan pendidikan semasa. Pendekatan ini bukan bertujuan menggantikan tradisi *talaqqi* dalam pengajian Islam, tetapi berfungsi sebagai medium sokongan yang dapat memperkukuhkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

7. Kesimpulan

Kajian ini menegaskan bahawa penguasaan istilah *Ulum al-Hadith* merupakan asas penting dalam memahami dan mengaplikasikan ilmu ini secara berkesan di institusi pengajian tinggi (IPT). Hasil temu bual bersama pensyarah berpengalaman mendedahkan enam tema utama yang saling berkait, iaitu permasalahan bahasa dan komunikasi dalam PdP, kepentingan penguasaan istilah, tahap pemahaman pelajar yang berbeza-beza, keperluan alat bantu mengajar, potensi aplikasi mudah alih sebagai medium sokongan serta cadangan pembangunan e-kamus istilah hadis.

Dapatan ini memperlihatkan bahawa cabaran terbesar adalah jurang kefahaman akibat kekangan bahasa Arab dan ketiadaan sumber rujukan dalam dua bahasa yang lengkap. Hal ini menyukarkan pelajar untuk mengaitkan istilah-istilah yang ada dengan aplikasi praktikal, sekaligus mengurangkan keberkesanan pengajaran. Penggunaan alat bantu, khususnya aplikasi mudah alih yang dilengkapi ciri interaktif, dilihat mampu menyokong proses pembelajaran dengan menyediakan akses pantas kepada maklumat istilah pada bila-bila masa sahaja. Walau bagaimanapun, penegasan harus diberikan bahawa teknologi tidak dapat menggantikan peranan utama pendidik sebagai pemudah cara dan pembimbing dalam memahami konteks istilah *Ulum al-Hadith*.

Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan pembangunan e-kamus istilah hadis dalam dua bahasa iaitu Arab dan Melayu yang komprehensif dan diintegrasikan dalam bentuk aplikasi mudah alih bagi memenuhi keperluan pelajar dan pensyarah. Pendekatan ini diyakini bukan sahaja dapat meningkatkan literasi istilah *Ulum al-Hadith*, malah mampu memperkukuh penguasaan metodologi pengajian hadis secara menyeluruh. Implikasinya, pembangunan aplikasi ini berpotensi menjadi pemangkin kepada inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam pengajian Islam selari dengan perkembangan teknologi pendidikan semasa.

Rujukan

- Ally, M. (2009). *Mobile learning: Transforming the delivery of education and training*. Athabasca University Press. <https://www.aupress.ca/books/120155-mobile-learning/>
- Deterding, S., Dixon, D., Khaled, R., & Nacke, L. (2011). *From game design elements to gamefulness: Defining "gamification"*. Proceedings of the 15th International Academic MindTrek Conference, 9–15. <https://doi.org/10.1145/2181037.2181040>
- Hamari, J., Koivisto, J., & Sarsa, H. (2014). *Does gamification work? — A literature review of empirical studies on gamification*. Proceedings of the 47th Hawaii International Conference on System Sciences, 3025–3034. <https://doi.org/10.1109/HICSS.2014.377>
- Hanapi, M. S., & Abidin, N. I. (2022). *Hybrid learning preferences among Malaysian undergraduates in Islamic studies: Challenges and prospects*. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 11(1), 222–236. <https://doi.org/10.6007/IJARPED/v11-i1/12018>
- Majid, L. A. (2024). *Exploring innovations and challenges in the study of Hadith in the digital era*. *Journal of Contemporary Issues in Al-Quran and Hadith*, 4(1), 15–33.
- Mohtar, S., et al. (2023). *Mobile learning: Research context, methodologies and future works*. *Multimedia Tools and Applications*, 82(15), 22537–22565. <https://doi.org/10.1007/s11042-022-13698-y>
- Nor, A. S. M., & Yusoff, M. F. (2021). *Penguasaan bahasa Arab dalam pemahaman hadis: Satu kajian di IPT Malaysia*. *HADIS (INHAD)*, 2(1), 77–89. <https://hadis.uis.edu.my/index.php/inhad/article/view/175>
- Rahman, Z., Latif, A., & Ismail, H. (2021). *Mobile learning in Islamic studies: Opportunities and challenges*. *Open Learning: The Journal of Open, Distance and e-Learning*, 36(3), 283–299. <https://doi.org/10.1080/02680513.2020.1846534>
- Siti Mursyidah Mohd Zin, Ramli, F. Z., & Yama, P. (2023). *Metode penyusunan kamus istilah hadis dan keistimewaannya*. *HADIS (INHAD)*, 13(25), 55–72. <https://doi.org/10.53840/hadis.v13i25.223>
- Sudi, S. (2024). *Aplikasi Kamus Istilah Hadis*. *HADIS (INHAD)*, 14(28), 88–101. <https://doi.org/10.53840/hadis.v14i28.276>
- Sweller, J. (2011). *Cognitive load theory*. In J. P. Mestre & B. H. Ross (Eds.), *Psychology of Learning and Motivation* (Vol. 55, pp. 37–76). Academic Press. <https://doi.org/10.1016/B978-0-12-387691-1.00002-8>
- Traxler, J. (2009). *Learning in a mobile age*. *International Journal of Mobile and Blended Learning*, 1(1), 1–12. <https://doi.org/10.4018/jmbL.2009010101>